

# Selangor catat kes buang bayi tertinggi

**KUALA LUMPUR** - Selangor mencatatkan jumlah tertinggi kes pembuangan bayi berbanding negeri-negeri lain dari tahun 2004 sehingga Khamis lepas, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Beliau berkata, negeri itu mencatatkan sebanyak 147 kes daripada keseluruhan 571 yang direkodkan di seluruh negara.

Katanya, statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga menunjukkan Johor menduduki tempat kedua dengan 113 kes, jauh berbeza dengan Perlis yang hanya mencatatkan satu kes.

Shahrizat menyatakan demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan **Datuk Shamsul Anuar Nasarah**

(BN-Lenggong) yang ingin tahu statistik kes pembuangan bayi mengikut kaum dan negeri pada persidangan Dewan Rakyat semalam.

Beliau bagaimanapun tidak menyertakan statistik kes berdasarkan kaum dan negeri.

Kepada soalan lain Shahrizat berkata, kementerian itu memandang serius terhadap kegiatan pelacuran dan zina sehingga menyebabkan kanak-kanak atau wanita mengandung.

Beliau berkata, bagi menangani dan membanteras isu tersebut, kementeriannya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah memperkenalkan lima langkah penting.

Ini termasuk menyediakan khidmat



**SERAMAI 147 kes buang bayi dicatat di Selangor sejak tahun 2004.**

kaunseling di peringkat negeri dan daerah dengan melaksanakan bengkel interaktif melibatkan keluarga dan kanak-kanak selaras dengan keperluan Akta Kanak-Kanak 2001.